

D384

R BOO6 AAB  
MAHATHIR - EKSTRIMIS

ALOR SETAR, 23 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KONSEP BARISAN NASIONAL YANG DIANGGOTAI OLEH PARTI-PARTI YANG BERSIKAP SEDERHANA MERUPAKAN FAKTOR YANG MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN NEGARA INI.

BELIAU BERKATA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL TIDAK EKSTRIMIS MALAHAN SETIAP PARTI JUGA TIDAK HANYA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN KAUM MASING-MASING, TETAPI KESELURUHAN KAUM YANG ADA DI NEGARA INI.

SEANDAINYA TIDAK KERANA KERJASAMA DAN, PERSEFAHAMAN ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, MALAYSIA TIDAK AKAN AMAN MALAHAN MUNGKIN MENJADI HURU-HARA SEPERTI DI SESETENGAH NEGARA LAIN YANG BERBILANG KAUM, KATANYA PADA MAJLIS JAMUAN MALAM DEWAN PERHIMPUNAN CINA NEGERI KEDAH DAN PERLIS DI SINI MALAM INI.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAİK. LEBIH 1,600 ANGGOTA DEWAN ITU HADIR.

SAMBIL MENGAMBIL UMNO SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA WALAUPUN IA MEMPERJUANGKAN HAK DAN KEPENTINGAN BANGSA MELAYU, TETAPI IA JUGA TIDAK LUPA AKAN NASIB KAUM-KAUM LAIN. -- LAGI

2356MST 23 08 90

D385

R BOO7 AAB  
MAHATHIR - EKSTRIMIS 2 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA SEMASA MENCAPI KEMERDEKAAN DAHULU, BRITISH MENGATAKAN MALAYSIA TIDAK AKAN AMAN MALAHAN AKAN HANCUR KERANA SEMUA KAUM AKAN BERMUSUHAN UNTUK MEREbut KEPENTINGAN DIRI MASING-MASING.

BAGAIMANAPUN, MELALUI KONSEP PERIKATAN KETIKA ITU DAN EARISAN NASIONAL SEKARANG, IA TERBUKTI BAHAWA ANDAIAN SEPERTI ITU TIDAK BENAR, MALAHAN MALAYSIA TERUS MAJU DAN AMAN DAMAI.

KEAMANAN YANG DIKECAPI SELAMA INI JUGA TELAH MEMASTIKAN NEGARA MENINGKAT LEBIH MAJUDANKINI MENDUDUKI TANGGA KELIMA DARIPADA 130 BUAH NEGARA SEDANG MEMBANGUN DI SELURUH DUNIA, KATA BELIAU SAMBXL MENGGESA RAKYAT SUPAYA TERUS MENYOKONG BARISAN NASIONAL.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENINGATKAN RAKYAT AKAN PENTINGNYA SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT DENGAN DUA PERTIGA MAJORITI UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MANA-MANA PIHAK YANG MENCABAR KERAJAAN DENGAN SEWENANG--WENANGNYA. -- BERNAMA

2358MST 23 08 90